## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 21 APRIL 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | STOK BERAS CUKUP, LOKAL, HM -17<br>BEKALAN MAKANAN HARIAN MENCUKUPI, NASIONAL, BH -6 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br><br>8.<br><br>9.<br>10.<br>11.<br><br>12.<br><br>13.<br><br>14.<br><br>15. | FAMA JANA JUALAN RM65.9 JUTA, NASIONAL, BH -19<br>KEKANG LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, SINAR NEGERI NEGERI SEMBILAN, SH -21<br>FAMA PASTIKAN TIADA LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, HM -ONLINE<br>LAMBAKAN HASIL PERTANIAN BERJAYA DIATASI, SH -ONLINE<br>FAMA BANTU 1,120 PETANI PASARKAN HASIL, ATASI MASALAH LAMBAKAN,<br>BERNAMA -ONLINE<br>FAMA BANTU PETANI PASARKAN HASIL PRODUK, TEMPATAN,<br>UTUSAN SARAWAK -20<br>PASAR SEGAR TERKAWAL, MALAYSIA HARI INI TV3 -ONLINE<br>PETANI PERLU TERUS MENANAM, SH -ONLINE<br>FAMA ASSISTS 1,1120 FARMERS MARKET PRODICE TO AVOID DUMPING,<br>BERNAMA -ONLINE<br>FAMA ASSISTS 1,1120 FARMERS MARKET PRODICE TO AVOID DUMPING,<br>MALAY MAIL -ONLINE<br>FAMA OUTLETS RECORD RM80 MILLION IN SALES,<br>NEW SARAWAK TRIBUNE -ONLINE<br>(COVID MCO MOA FAMA) THE HOPE OF A WATERMELON PLANTER,<br>BERITA WILAYAH TV1 -ONLINE<br>NO DRASTIC PROCES CHANGE TO AGRICULTURAL PRODUCTS AFTER MCO, NEWS,<br>CHINA PRESS (MELAKA) -C3 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 16.<br>17. | RAIH RM6 JUTA SEJAK PKP, LOKAL, HM -16<br>SOKONG KAEDAH JUALAN COD, LOKAL, HM -16 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 18.<br><br>19.<br><br>20.<br>21.<br><br>22.<br>23. | FARMERS NEED AID TO FACE FOOD PRODUCTION CHALLENGES, NATION,<br>THE STAR -11<br>SABAH ADOPTS COMPREHENSIVE APPROACH TO RESOLVE PROBLEM OF<br>VEGETABLES GLUT, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -4<br>SHAFIE: GOVT TO STABILIZE FOOD SECURITY, HOME, BORNEO POST (KK) -1<br>DON'T REZONE PADDY LAND FOR OTHER USE - PAGINATAN REP, HOME,<br>BORNEO POST (KK) -3<br>PETANI GUSAR TANAMAN ROSAK, BERITA AL-HIJRAH -ONLINE<br>TIADA MASALAH RANTAIAN BEKALAN SEPANJANG RAMADHAN,<br>BERITA NASIONAL TV1 -ONLINE | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21/4/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Stok beras cukup

**Kuala Lumpur:** Stok semasa beras mengambil kira pengeluaran tempatan dan import adalah stabil, terkawal dan konsisten bagi menampung keperluan dalam negara yang berterusan.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, secara keseluruhan bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung permintaan semasa.

Katanya, penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga sudah membuat pemantauan harian 25 jenis bekalan di 1,203 pemeriksaan premis perniagaan termasuk peruncit (925), pemborong (247) dan pengilang (31).

"MOA juga memberi jaminan selain beras, barang makanan basah seperti sayur-sayuran juga lebih daripada mencukupi.

"Orang ramai dinasihatkan tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian kerana ia dijamin mencukupi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |

*Penularan COVID-19*

# Bekalan makanan harian mencukupi

## KPDNHEP, MOA pantau stok pastikan penuhi keperluan pengguna

**Kuala Lumpur:** Stok bekalan makanan harian terutama beras dan barang keperluan asas termasuk sayur ketika ini lebih daripada mencukupi walaupun negara berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Justeru, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menasihatkan orang ramai tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian kerana ia dijamin mencukupi.

"Secara keseluruhan bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung permintaan semasa.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) juga sentiasa memantau bekalan makanan harian, terutama beras dan barangan keperluan asas lain di seluruh negara.

"Stok semasa beras mengambil kira pengeluaran tempatan dan import adalah stabil, terkawal dan konsisten bagi menampung keperluan dalam negara yang berterusan, malah lebih daripada mencukupi.

"MOA juga memberi jaminan barang makanan basah seperti sayur-sayuran juga lebih daripada mencukupi," katanya pada sidang media mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Putrajaya, semalam.




*Ismail Sabri pada sidang media di bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

Ismail Sabri berkata, penguat kuasa KPDNHEP turut membuat pemantauan harian kelmarin bagi 25 jenis bekalan di 1,203 pemeriksaan premis perniagaan termasuk peruncit (925), pemborong (247) dan pengilang (31).

> ***Orang ramai dinasihat tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian kerana ia dijamin mencukupi.***
>
> ***Ismail Sabri Yaakob,*** *Menteri Kanan (Keselamatan)*

Sementara itu, beliau berkata, jumlah kerugian akibat penipuan kes penjualan penutup muka mencecah RM4.2 juta.

Katanya, modus operandi penipuan dilakukan melalui media sosial dan secara bersemuka.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius kes penipuan penjualan topeng muka yang menyebabkan kerugian mencecah RM4.2 juta. PDRM akan mengambil tindakan tegas dan meminta orang ramai lebih berwaspada.

"Kita menggalakkan pembeli membuat semakan akaun bank penjual terlebih dulu sebelum membuat pembayaran.

"Semakan boleh dilakukan di portal 'Semakmule' Jabatan Siasatan Jenayah Komersial atau status penjual dalam talian di laman web www.biztrust.ssm.com.my," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21/4/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19 |

*Penularan COVID-19*

# FAMA jana jualan RM65.9 juta

## Usaha atasi isu lambakan produk tani bagi tempoh 1 hingga 19 April




**Seremban:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya menjana jualan produk pertanian bernilai RM65.9 juta menerusi pusat jualan dan pemasarannya di seluruh negara, bagi tempoh 1 hingga 19 April lalu.

Ia membabitkan jualan RM22.9 juta di 45 Pasar Segar Terkawal (PST) yang beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai saluran pemasaran hasil pertanian bagi mengelak berlaku lambakan, selain jualan RM43 juta menerusi 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan 115 Agrobazaar Rakyat (ABR).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata terdapat 45 premis FAMA yang beroperasi membabitkan 17 Pusat Operasi FAMA, Pasar Tani Kekal (22) dan masing-masing tiga premis Myfarm serta Pasar Tani Terpilih Terbuka.

"Operasi PST membabitkan 490 usahawan menarik 270,000 pengunjung dengan 37,484 pembelian/penghantaran.

"Sejak pelaksanaan PKP mulai 18 Mac lalu hingga semalam, (Ahad lalu) bagi memutuskan rantaian wabak COVID-19, FAMA berjaya membantu 1,120 petani dengan kuantiti belian produk sebanyak 4,506 tan bernilai RM6.85 juta.

"Seramai 1,420 usahawan di bawah seliaan FAMA terbabit memastikan bekalan makanan sampai kepada 600,000 pengguna membabitkan 38,091 kaedah perkhidmatan secara penghantaran.

"Semua pusat jualan ini bertujuan memasarkan barangan segar, sayur-sayuran, buah-buahan, ayam dan daging serta barangan keperluan harian lain," katanya selepas melawat PST Pandu Lalu di Pusat Operasi FAMA Negeri Sembilan di Jalan Labu, di sini, semalam.

Ahmad berkata, usaha kerajaan ketika ini untuk meningkatkan dan memperkemaskan lagi aktiviti pemasaran secara dalam talian menerusi Agrobazaar Online bagi membantu petani.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI SEMBILAN | 21 |

# Kekang lambakan hasil pertanian

## Kerajaan, FAMA bantu petani melalui rangkaian pemasaran berkesan

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Kerajaan berjaya mengekang lambakan hasil pertanian melalui rangkaian pemasaran yang berkesan dalam memasarkan produk berasaskan pertanian di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu, pihaknya melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu 1,120 petani dengan nilai pembelian sebanyak RM6.85 juta.

Katanya, seramai 1,420 usahawan di bawah seliaan FAMA terlibat dalam memastikan bekalan makanan sampai kepada 0.6 juta pengguna yang turut menggunakan kaedah 38,091 perkhidmatan secara penghantaran.

"Isu lambakan hasil pertanian yang berlaku bagi keskes lalu hanya kes terpencil dan kita juga sudah mengambil tindakan sewajarnya untuk membantu semua petani agar nasib pekebun kita terbela.

"Oleh sebab itu, kementerian melalui FAMA telah membuka sebanyak 45 outlet di seluruh negara termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) bagi membantu petani memasarkan produk mereka dengan lebih baik. Selain PST, sebanyak 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), 115 Agrobazaar Rakyat (ABR) turut beroperasi di seluruh negara dan berjaya menjana jualan sebanyak RM43 juta," katanya pada sidang media selepas melawat Pasar Segar Terkawal (PST) di Pusat Operasi FAMA Seremban, Jalan Labu dekat sini, semalam.



Ahmad (tengah) ketika melawat Pasar Segar Terkawal (PST) di Pusat Operasi FAMA Seremban, Jalan Labu semalam.

Tambahnya, seramai 490 usahawan terlibat dalam pengoperasian PST, yang menghasilkan nilai jualan sebanyak RM 22.9 juta sejak tempoh 1 hingga 19 April 2020.

Katanya, pengguna tidak perlu bimbang mengenai bekalan makanan sepanjang PKP berikutan pihaknya sudah memastikan bekalan makanan tidak terputus dengan penyediaan banyak outlet FAMA yang akan memasarkan hasil pertanian negara dengan lebih berkesan.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai harga bekalan mentah yang dijual di pasaran FAMA, beliau memaklumkan, pihaknya berpuas hati dengan tawaran harga yang dikenakan peniaga malah terdapat harga yang lebih rendah berbanding pasaran luar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# FAMA pastikan tiada lambakan hasil pertanian



AHMAD (kiri) bersama Zainal Abidin ketika membuat lawatan di Pusat Operasi FAMA Seremban.

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya menjana nilai jualan produk pertanian sebanyak RM43 juta menerusi pusat jualan dan pemasaran kendalian agensi itu di seluruh negara, bagi tempoh 1 hingga 19 April lalu.

Ia membabitkan 45 Pasar Tani Terkawal (PST) yang beroperasi sebagai saluran pemasaran hasil pertanian bagi mengelak berlakunya lambakan selain 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan 115 Agrobazaar Rakyat (ABR).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata selain itu terdapat 45 oulet Fama yang beroperasi membabitkan 17 Pusat Operasi FAMA, Pasar Tani Kekal (22), Myfarm Oulet (3) dan Pasar Tani Terpilih Terbuka (3).

Beliau berkata, nilai jualan direkodkan bagi semua PST yang diwujudkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sangat memberangsangkan apabila merekodkan RM22.9 juta bagi tempoh sama.

"Operasi PST membabitkan seramai 490 usahawan dan berjaya menarik 270,000 pengunjung dengan 37,484 pembelian/penghantaran.

"Sejak pelaksanaan PKP mulai 18 Mac lalu sehingga 19 April, Fama berjaya membantu 1,120 petani dengan kuantiti belian produk sebanyak 4,506 matrik tan bernilai sebanyak RM6.85 juta.

"Seramai 1,420 usahawan di bawah seliaan Fama terbabit dalam memastikan bekalan makanan sampai kepada kira-kira 0.6 juta pengguna yang turut menggunakan kaedah 38.091 perkhidmatan penghantaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat PST Pandu Lalu di Pusat Operasi FAMA Negeri Sembilan di Jalan Labu, Seremban, hari ini.

Hadir sama, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli dan Pengarah FAMA Negeri Sembilan, Asmizal Jaafar.

Ahmad berkata, semua pusat jualan itu bertujuan memasarkan barangan segar, sayur-sayuran, buah-buahan, ayam dan daging serta barangan keperluan harian lain.

Beliau berkata, usaha kerajaan ketika ini adalah meningkatkan dan memperkemaskan aktiviti pemasaran secara dalam talian menerusi *Agrobazaar Online* bagi membantu petani.

"Pada masa sama, 17 Pusat Operasi FAMA itu dijadikan pusat perantara kepada semua petani supaya petani tidak berhadapan masalah memasarkan produk mereka.

"Justeru itu, setakat ini masalah lambakan produk pertanian tidak berlaku. Memang sebelum ini berlaku lambakan tetapi selepas kerajaan buat kajian, masalah itu dapat diselesaikan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Lambakan hasil pertanian berjaya diatasi



Datuk Seri Ahmad (tengah) semasa melawat Pasar Segar Terkawal (PST) di Pusat Operasi Fama Seremban, Jalan Labu dekat sini hari ini.

SEREMBAN - Kerajaan berjaya mengekang lambakan hasil pertanian melalui rangkaian pemasaran yang berkesan dalam memasarkan produk berasaskan pertanian di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu, pihaknya melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) telah membantu 1,120 petani dengan nilai pembelian sebanyak RM6.85 juta.

Katanya, seramai 1,420 usahawan di bawah seliaan Fama terlibat dalam memastikan bekalan makanan sampai kepada 600,000 pengguna yang turut menggunakan kaedah 38,091 perkhidmatan secara penghantaran.

"Isu lambakan hasil pertanian yang berlaku bagi kes-kes lalu hanya kes terpencil, dan kita juga sudah mengambil tindakan sewajarnya untuk membantu semua petani agar nasib pekebun kita terbela.

"Oleh sebab itu, kementerian melalui Fama telah membuka sebanyak 45 outlet di seluruh negara, termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) bagi membantu petani memasarkan produk mereka dengan lebih baik.

"Selain PST, sebanyak 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), 115 Agrobazaar Rakyat (ABR) turut beroperasi di seluruh negara dan berjaya menjana jualan sebanyak RM43 juta,"katanya pada sidang media selepas melawat Pasar Segar Terkawal (PST) di Pusat Operasi Fama Seremban, Jalan Labu dekat sini, hari ini.

Tambahnya, seramai 490 usahawan terlibat dalam pengoperasian PST, yang menghasilkan nilai jualan sebanyak RM 22.9 juta, sejak tempoh 1 hingga 19 April 2020.

Katanya, pengguna tidak perlu bimbang mengenai bekalan makanan sepanjang tempoh PKP, berikutan pihaknya sudah memastikan bekalan makanan tidak terputus dengan penyediaan banyak outlet Fama yang akan memasarkan hasil pertanian negara dengan lebih berkesan.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai harga bekalan mentah yang dijual di pasaran Fama, beliau memaklumkan, berpuas hati dengan tawaran harga yang dikenakan peniaga, malah terdapat harga yang lebih rendah berbanding dari pasaran luar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

# Fama bantu 1,120 petani pasarkan hasil, atasi masalah lambakan



SEREMBAN, 20 April -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) membantu 1,120 petani memasarkan hasil produk mereka sekali gus mengatasi lambakan hasil pertanian sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac hingga semalam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata hasil produk petani itu dipasarkan melalui 45 outlet Pasar Segar Terkawal (PST); 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR); dan 115 Agrobazaar Rakyat (ABR) di seluruh negara dengan nilai belian sebanyak RM6.85 juta.

Beliau berkata sejumlah 1,420 usahawan di bawah seliaan Fama pula terlibat dalam memastikan bekalan makanan sampai kepada 0.6 juta pengguna melibatkan 38,091 kaedah perkhidmatan secara penghantaran.

"Isu lambakan hasil pertanian yang berlaku bagi kes-kes lalu hanyalah kes terpencil dan kita sudah mengambil tindakan sewajarnya untuk membantu semua petani agar nasib mereka terbela.

"Kami juga mahu pastikan rantaian bekalan makanan tidak terputus sebaliknya ia kekal berterusan untuk pastikan barangan sampai kepada pengguna," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Operasi Fama di sini hari ini.

Beliau berkata dalam tempoh 18 Mac sehingga semalam, PST merekodkan nilai jualan sebanyak RM10 juta manakala AKR (RM3.8 juta) dan ABR (RM3.7 juta).

Ahmad berkata Fama juga dalam usaha untuk meningkatkan pengedaran pengeluaran makanan secara lebih berkesan sepanjang tempoh PKP ini dan memperkemaskan konsep jualan dalam talian dan luar talian melalui 'Agrobazaar online' dan rangkaian outlet yang terpilih.

"Para petani pula seharusnya menggunakan Pusat Operasi Fama yang terdapat di seluruh negara untuk mereka berhubung dan menyalurkan sebarang permasalahan berkaitan pemasaran hasil produk mereka," katanya.

-- BERNAMA

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | FAMA bantu petani pasarkan hasil produk | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 21 Apr 2020 | Color | Full Color |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 20 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 306 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,851 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 8,553 |



# FAMA bantu petani pasarkan hasil produk




**TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah) melihat harga ayam telur dan barangan keperluan ketika melawat Pasar Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Jalan Labu, Seremban semalam. Turut hadir Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang RazalLi (kanan) dan Pengarah FAMA Negeri Sembilan Asmizal Jaafar (kiri). • Foto BERNAMA**

**SEREMBAN:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu 1,120 petani memasarkan hasil produk mereka sekali gus mengatasi lambakan hasil pertanian sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac hingga semalam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, hasil produk petani itu dipasarkan melalui 45 outlet Pasar Segar Terkawal (PST); 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR); dan 115 Agrobazaar Rakyat (ABR) di seluruh negara dengan nilai belian sebanyak RM6.85 juta.

Beliau berkata, sejumlah 1,420 usahawan di bawah seliaan FAMA pula terlibat dalam memastikan bekalan makanan sampai kepada 0.6 juta pengguna melibatkan 38,091 kaedah perkhidmatan secara penghantaran.

"Isu lambakan hasil pertanian yang berlaku bagi kes-kes lalu hanyalah kes terpencil dan kita sudah mengambil tindakan sewajarnya untuk membantu semua petani agar nasib mereka terbela.

"Kami juga mahu pastikan rantaian bekalan makanan tidak terputus sebaliknya ia kekal berterusan untuk pastikan barangan sampai kepada pengguna," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Operasi Fama di sini semalam.

Beliau berkata dalam tempoh 1 April sehingga semalam, PST merekodkan nilai jualan sebanyak RM22.9 juta manakala AKR dan ABR merekodkan nilai jualan sebanyak RM43 juta.

Ahmad berkata, FAMA juga dalam usaha untuk meningkatkan pengedaran pengeluaran makanan secara lebih berkesan sepanjang tempoh PKP ini dan memperkemaskan konsep jualan dalam talian dan luar talian melalui 'Agrobazaar online' dan rangkaian outlet yang terpilih.

"Para petani pula seharusnya menggunakan Pusat Operasi FAMA yang terdapat di seluruh negara untuk mereka berhubung dan menyalurkan sebarang permasalahan berkaitan pemasaran hasil produk mereka," katanya. - Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | MALAYSIA HARI INI TV3 | ONLINE | |

## PASAR SEGAR TERKAWAL




#MalaysiaHariIni #MHI
Pasar Segar Terkawal | MHI (20 April 2020)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

## Petani perlu terus menanam

**Petani perlu terus menanam**

20 April 2020




Kerajaan Perak melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Perak dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperkenalkan Skim Agro Prihatin Negeri Perak bagi menggalakkan petani di negeri ini terus menanam dalam usaha memastikan bekalan makanan terus mencukupi, laporan wartawan Sinar Harian, Saifullah Ahmad.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | MALAY MAIL | ONLINE | |

# Fama assists 1,120 farmers market produce to avoid dumping



Customers observe social distancing guidelines as they do their shopping at the Shah Alam wet market March 26, 2020. — Picture by Yusof Mat Isa

SEREMBAN, April 20 — The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has aided 1,120 farmers to market their produce and overcome dumping of their harvest since the movement control order (MCO) began on March 18 until yesterday.

Deputy Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah said the farmers sold their produce to 45 Controlled Fresh Market (PST) outlets; 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) and 115 Agrobazaar Rakyat (ABR) operating throughout the country for RM6.85 million.

He said 1,420 entrepreneurs under Fama were also involved to ensure the supply of food reaches consumers who also made orders for 38,091 deliveries.

"The issue of dumping which took place, were isolated cases and we have taken the appropriate measures to assist all farmers to protect their interest.

"We also want to ensure the food supply chain is not disrupted and would continue to ensure the goods reach consumers," he told reporters after visiting Fama's Operation Centre here today.

He said from March 18 to yesterday, PST outlets recorded RM10 million in sales while AKR gross RM4 million and ABR generated RM3.7 million.

Ahmad said Fama is also improving its food distribution during MCO and it is streamlining its online and offline sales via Agrobazaars and selected network outlets.

"All farmers should use Fama's Operation Centre nationwide for contact and channel problems relating to marketing their products," he said. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

# Fama assists 1,120 farmers market produce to avoid dumping



SEREMBAN, April 20 – The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has aided 1,120 farmers to market their produce and overcome dumping of their harvest since the Movement Control Order (MCO) began on March 18 until yesterday.

Deputy Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah said the farmers sold their produce to 45 Controlled Fresh Market (PST) outlets; 321 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) and 115 Agrobazaar Rakyat (ABR) operating throughout the country for RM6.85 million.

He said 1,420 entrepreneurs under Fama were also involved to ensure the supply of food reaches consumers who also made orders for 38,091 deliveries.

"The issue of dumping which took place were isolated cases and we have taken the appropriate measures to assist all farmers to protect their interest.

"We also want to ensure the food supply chain is not disrupted and would continue to ensure the goods reach consumers," he told reporters after visiting Fama's Operation Centre here today.

He said from March 18 to yesterday, PST outlets recorded RM10 million in sales while AKR gross RM4 million and ABR generated RM3.7 million.

Ahmad said Fama is also improving its food distribution during MCO and it is streamlining its online and offline sales via Agrobazaars and selected network outlets.

"All farmers should use Fama's Operation Centre nationwide for contact and channel problems relating to marketing their products," he said.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | NEW SARAWAK TRIBUNE | ONLINE | |

# Fama outlets record RM80 million in sales



Inspecting the mound of paddy grain. Photo: Bernama

KUALA SELANGOR: A total of 140 Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) outlets nationwide have recorded RM80 million in sales since the beginning of the movement control order (MCO) on March 18.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said they include the sale of fruits, vegetables and fresh fish, all of had high demand from local customers.

"The total also includes sales at controlled fresh markets that commenced operations since April 1, which is Fama's attempt to overcome oversupply of produce due to the MCO.

"Fama is now also collaborating with more e-trade platforms so that we can market the agricultural products faster," he told reporters after a visit to Selangor northwest Integrated Agricultural Development Area (IADA) here yesterday.

Also present was Deputy Minister 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Ronald said during the MCO, the ministry will focus more on online dan direct marketing to customers, as there are still many hotels and restaurants that are not fully operating, resulting in excessive supply.

Customer demand is consistent like before the MCO, what has been causing oversupply is excess production and less order from food-based factories, hotels and restaurants, and the ministry will always try to overcome this problem," he said. – Bernama



Fama officials visit a paddy farm. Photo: Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | BERITA WILAYAH TV1 | ONLINE | |

**(COVID MCO MOA FAMA) THE HOPE OF A WATERMELON PLANTER**



| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | No drastic prices change to agricultural products after MCO | | |
| MediaTitle | China Press (Melaka) | | |
| Date | 21 Apr 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 6,073 |
| Page No | C3 | Readership | 18,219 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 471 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,309 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,926 |



## 副農長：管制令前後

# 農產品價格變化不大

（芙蓉20日讯）农业及农基工业部第一副部长拿督斯里阿末韩查指出，目前市场上的农产品价格，在行动管制令前后变化不大，唯有些农产品确实出现涨幅。

他说，政府目前正努力恢复正常的市场供应链，确保农民的蔬果能顺利供应到市场，消费者能顺利购买到蔬果。

他说，物品价格和市场需求及供应有著密切关联，市场上若供不应求，物品价格将会提升，相反地若供应大于市场需求，价格则会下降。

他是今早在联邦农业销售局（FAMA）森州分局巡视农业市集及操作中心后，在记者会上如是指出。

他指出，目前市场上出现供应延缓的问题不大，有的只是小部分，该局也正努力解决相关问题。

他指出，截至4月19日，联邦农业销售局的农业市集及操作中心在全马共有45间分行，包括17间操作中心、22个固定农业市集（Pasar Tani Kekal）、3间我的农场（MyFarm Outlet）及3个开放式固定农业市集，尚有一个开放式农业市集还未确定地点。

他指出，自3月18日至4月19日，联邦农业销售局共向全马1120名农民购入4506吨蔬果，耗资685万令吉，多达1420名小贩参与该局的各市集销售，访客多达60万人及3万8091份外送。

他说，从4月1日至19日，全马的管制新鲜菜市场（PST）总销量达2290万令吉，多达490名小贩参与，27万名访客及3万7484份外送。

他指出，目前全马也有321家人民农业市集商店（AKR）和115家人民农业市集（ABR），截至19日，总销量达4300万令吉。



■阿末韩查（前左）到联邦农业销售局森州分行巡视农业市集，并检查摊位的物品售价。

## 農銷局探討重啓市場供應鏈

联邦农业销售局（FAMA）森州分局主任拿督再纳指出，受行动管制令影响，我国市场供应链（Supply Chain）出现断层情况，目前政府正探讨重启市场供应链，以恢复市场供应及需求。

他说，由于行动管制令的约束，无论是夜市、早市、路边摊位等全无法营业，因此供应商减少了批发数量，农民的蔬果无法销售出去，造成市场供应链出现断层。

他认为，目前政府最主要的任务便是重启市场供应链，然而目前正是行动管制令期间，要以何等方式重启市场供应链，是政府必须探讨的。

他说，政府正寻找出两全其美的方案，既在不违反行动管制令条规下重启市场供应链，让农民能售出蔬果，消费者也能在市场上购得蔬果。

他认为，该局管辖下的农业市集物品价格非常合理，甚至比巴刹来的更便宜。他举例，该市集售卖的生鸡每公斤5令吉90仙，而巴刹及菜市场的价格则是每公斤7令吉50仙。

该局于森州共有3个农业市集，分别位于该局森州分行的拉务5哩（周一、三、五营业）、芙蓉往瓜拉庇劳路第12公里（周二及周六营业）及仁保（周二及周五），时间从上午9时至下午1时。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | THE STAR | NATION | 11 |


# Farmers need aid to face food production challenges

By CLARISSA CHUNG
clarissachung@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** A lack of workers and logistical challenges are key issues that need to be addressed to strengthen the agriculture sector against the Covid-19 pandemic, according to experts.

Dr Tey Yeong Sheng, a researcher at the Institute of Agricultural and Food Policy Studies at Universiti Putra Malaysia, said the labour shortage and disruption of supplies were becoming the main challenges in local food production.

He said many Indonesian farm hands had returned home, fearing a loss of income here.

"Farm workers and service providers face difficulty crossing states during the movement control order (MCO) and many farms rely on contract services from land preparation to harvesting crops," he said.

Tey said similar movement restrictions being enforced in other countries also disrupted raw material imports for farm chemicals.

Traditional markets, he added, were more vulnerable to the impact of Covid-19 and movement controls.

"Modern market operators such as chain mini-markets, supermarkets and hypermarkets, plan for supply disruption for years.

"Farmers and agribusiness operators, who did not invest in or have limited possession of downstream facilities, have struggled to find buyers," he said, adding that some have taken to adopting online platforms to sell produce.

*The Star* reported earlier that a Cabinet Committee on Food Security will be set up soon to improve national food security and strengthen the food supply chain.

Tey said the aid announced in the government's stimulus packages, while helpful to agribusinesses, might not give enough of a leg-up to small-scale farmers.

> "According to the Annual Economic Statistics 2018 (report), Malaysia has 836,000 individuals working as farmers, yet there are only just over 10,000 SMEs in agriculture."
>
> Dr Tey Yeong Sheng

"According to the Annual Economic Statistics 2018 (report), Malaysia has 836,000 individuals working as farmers, yet there are only just over 10,000 SMEs in agriculture.

"This means that many farmers without business registration are left out in all financial support programmes," he said.

Tey said the question of food supply would be important in the coming months, adding that the Statistics Department reported that household expenditure on food and beverages increased by 27%, a stark contrast to the overall 48% decline in total household expenses.

"There are pandemic-induced supply chain disruptions, which would affect our domestic food availability. Without public interventions, it is safe to hypothesize that household spending on food may take some time to normalise post-MCO," he said.

Ahmad Ashraf Shaharudin, a research associate at Khazanah Research Institute (KRI), said smaller agribusinesses were more vulnerable to the shocks of a weakened economy.

He said some 56% of agriculture sector workers were "non-standard" workers – which was much more than in the other sectors, adding that such workers were those who did not have formal employment contracts.

He said this was compounded by the fact that over 30% of agricultural workers were foreigners.

"Almost 90% of agricultural establishments are SMEs, and about 40% are micro-enterprises with annual revenue of less than RM300,000 and with fewer than five employees," he added.

Ashraf said while the current food supply in the country was sufficient, the government should proactively identify farmers and fishermen who needed help to market their produce.

He urged the government to consider providing the Employment Retention Programme assistance to self-employed agricultural workers who contributed to the Social Security Organisation.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sabah adopts comprehensive approach to resolve problem of vegetable glut | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 21 Apr 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 4 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 159 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,168 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,504 |



# Sabah adopts comprehensive approach to resolve problem of vegetable glut

**KOTA KINABALU:** The Sabah government has adopted a comprehensive and holistic approach to manage the supply and distribution system of highland vegetables in Kundasang to resolve the glut problem during the Movement Control Order (MCO) period.

Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal said the Sabah Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) has been asked to look into the matter including the needs of the farmers whose income have been affected or suffer losses as the harvested vegetables have not been sold.

"The ministry has been asked to manage this matter in a comprehensive manner as there is a possibility of excess supply as farmers have harvested their vegetables..while we know that there is no demand, whether from the domestic market or export. So we have to tackle this problem," he said.

Mohd Shafie was replying to a supplementary question from Datuk Dr Joachim Gunsalam (PBS-Kundasang) during the question-and-answer session at the Sabah state assembly sitting here yesterday.

Joachim asked what assistance was being specifically given to the farmers of Kundasang who have been adversely affected when their crops have been harvested but could not be sold during the MCO.



Datuk Seri Mohd Shafie Apdal

Mohd Shafie said the state government also provided financial aid to this group as well as loans at zero interest to all farmers to encourage their participation in the agriculture sector after the MCO ends.

He added that MAFI Sabah has been asked to work with the Sabah Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs to list out the supermarkets which are operating so that the vegetables can be sent there.

"This data is needed because the supermarkets can deal directly with the farmers. There is no need to have too many middlemen who buy the vegetables in Kundasang to be sent to the retail sector as movement must be reduced during this period as a way to curb the spread of Covid-19," he said. — Bernama

Powered by: isentia

| Headline | Shafie: Govt to stabilize food security | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 21 Apr 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 1 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 156 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 435 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,305 |



# Shafie: Govt to stabilize food security

**KOTA KINABALU:** Food security is one of the sectors the State Government wants to ensure is stable, said Chief Minister Datuk Seri Shafie Apdal.

"We know that food security is something we need to ensure not only because of the possibility that we export to neighbouring countries like Brunei Darussalam and Singapore, but because of the current situation we are facing today, the rakyat in the state need sufficient food supply.

"If we continue to focus on major industries, there is the possibility that the country we are exporting to is under lockdown and our products will not reach its destination.

"So we must be very focused on which sector we want to encourage as soon as the Federal government lifts the Movement Control Order (MCO). I will be announcing the sectors we will prioritize, for example SMEs which have huge implications on our youngsters employed in the rural areas," he said.

There is also the issue of perishables such as vegetables and seafood, said Shafie, adding that he had instructed the state Agriculture and Food Industry Minister to ensure that there is enough storage for seafood.

"For now I was made to understand there is an oversupply of fish and vegetables. I have discussed with the ministry to ensure that the excess whether in Kundasang or Ranau is channelled to those in need," he said.

Shafie added that the State Government through the Agriculture and Food Industry Ministry and Domestic Trade and Industry Ministry, have engaged hypermarkets as well as supermarkets and sell the harvested vegetables to them.

The hypermarkets and supermarkets will prepare a list of what they need and give it to the two ministries, he said, adding that this arrangement will cut out the need for middlemen.

"Like for seafood, we have Safma to assist the fishermen. In the past we had SAMA marketing operations to assist farmers with their produce and channel to the retail sector for sale," he said.

The retail sector, Shafie said, need to inform the authorities on what they need and with the data, they can link them to the farmers.

There has to be a clear cut supply and distribution part, said the Chief Minister because the government wants to discourage middlemen from travelling throughout the state.

"This is MCO, we need to reduce mobility not only drivers but also those who are helping to carry the products as they are at risk of being infected by the Covid-19 virus.

"I have also asked our agriculture minister to also communicate with our neighbouring countries because I was made to understand, Brunei Darussalam for example, is facing a shortage of food supply.

"Its Foreign Minister II contacted me and informed me of the situation. I have informed Wisma Putra that our neighbour needs assistance so instead of letting the excess seafood and vegetables go to waste, it's better to sell them," he said.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Don`t rezone paddy land for other use - Paginatan rep | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 21 Apr 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 3 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 111 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 309 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 928 |



# Don't rezone paddy land for other use – Paginatan rep

LAND that has been zoned for the planting of paddy should not be allowed to be rezoned for other use.

Speaking at the State Legislative Assembly sitting yesterday, Datuk Abidin Madingkir (Paginatan) said that this is to ensure Sabah achieves its self-sustaining level (SSL) for rice which is now only at 26 per cent.

He said that Sabah still imports rice from countries such as China, Vietnam and Thailand.

However, due to the Covid-19 pandemic which also affected those countries, they have closed their doors for export, said Abidin.

"Because of this, the Federal and State governments should open fields to be planted with paddy."

He said that the physical area used for the planting of paddy in Sabah is 25,000 hectares.

The areas that are planted with paddy twice per annum is 35,600 hectares.

He explained that the Kota Belud district has long been identified for paddy planting to meet the SSL for the commodity.

Abidin said there are also other districts identified for the purpose such as Kota Marudu and Telupid.

Additionally, there are also abandoned paddy fields such as those in Tuaran and Papar which can be re-developed for the purpose of increasing the SSL.

"However, there are paddy fields that have been rezoned for other purpose...I hope that the Agriculture and Food Industry Ministry can look into this to meet the needs to increase and improve the drainage and irrigation system so that the SSL for paddy can be increased," he said.

"The government must prepare enough allocation to upgrade and rebuild the drainage system."

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | BERITA AL-HIJRAH | ONLINE | |

**PETANI GUSAR TANAMAN ROSAK**



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/4/2020 | BERITA NASIONAL TV1 | ONLINE | |

## TIADA MASALAH RANTAIAN BEKALAN SEPANJANG RAMADHAN

